

Tengku Adnan akur dengan rungutan orang ramai berhubung kadar yang terlalu tinggi

DBKL akhirnya turun caj parkir

Oleh NADIA SHAIFUL BAHARI

INFO Kadar Parkir DBKL

KUALA LUMPUR – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akhirnya akur untuk menurunkan kadar baharu tempat letak kereta yang menjadi kontroversi antara 20 hingga 33 peratus yang berkuat kuasa semalam setelah menerima banyak rungutan daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO), para peniaga dan orang ramai.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor (**gambar kecil**) berkata, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan DBKL bersetuju meneliti semula caj parkir itu se-

lain menyediakan sistem yang mesra pengguna. Beliau berkata, sistem pembayaran tempat letak kenderaan secara pas bulanan untuk kemudahan pengguna turut diperkenalkan bagi jangka masa sederhana dan panjang.

“Pembelian pas bulanan itu boleh dilakukan mengikut kesesuaian dan keselesaan pengguna tanpa perlu berat atau ke lokasi-lokasi tertentu untuk membuat pembelian,” katanya melalui kenyataan akhbar yang



dikeluarkan di sini semalam.

Pada 21 Julai lalu *Kosmo!* melaporkan, para peniaga dan penjaja kecil di ibu negara mula melahirkan keimbangan berhubung tindakan DBKL menaik-

kan caj parkir sehingga 150 peratus yang mungkin ‘membunuh’ perniagaan mereka.

Bagaimanapun, ekoran rungutan orang ramai itu, caj parkir di kawasan pusat bandar diturunkan kepada RM1.50 untuk jam pertama dan RM2.50 bagi jam kedua berbanding

NGO, peniaga minta DBKL kaji semula kadar baharu letak kenderaan di ibu negara

Caj parkir tinggi ‘bunuh’ peniaga




KERATAN *Kosmo!* 21 Julai 2016.

ding masing-masing pada kadar RM2 dan RM3 yang dikenakan pada 18 Julai lalu.

Bagi kawasan luar pusat bandar dan beraktiviti tinggi pula, caj baharu yang dikenakan adalah RM1 untuk setiap jam berbanding RM1.50 dan tiada had maksimum untuk tempoh meletakkan

Caj 18 Julai	Caj Terbaharu
Bayaran Tunai RM2.00	Bayaran Tunai RM1.50
(Jam pertama) RM3.00	(Jam pertama) RM2.50
(Jam kedua) RM300	(Jam kedua) RM300
(Pas bulanan) RM400 sebulan	(Pas bulanan) RM400 sebulan
(Petak Khas) RM1.50	(Petak Khas) RM1
(Jam pertama dan seterusnya) RM150	(Jam pertama dan seterusnya) RM150
(Pas bulanan) RM240 sebulan	(Pas bulanan) RM240 sebulan
(Petak Khas) RM1	(Petak Khas) RM0.80
(Jam pertama dan seterusnya) RM100	(Jam pertama dan seterusnya) RM150
(Pas bulanan) RM200 sebulan	(Pas bulanan) RM200 sebulan
(Petak Khas)	(Petak Khas)



DBKL memperkenalkan tiga zon parkir di Kuala Lumpur iaitu Zon A, Zon B dan Zon C pada kadar yang berbeza.



PENGUNA tidak lagi perlu membayar caj parkir yang tinggi apabila DBKL bertindak menurunkan kadar bayaran antara 20 hingga 30 peratus di Kuala Lumpur berkuat kuasa semalam. – Gambar hiasan